

20 JUL 2000

Konvensyen-Lagu

LAGU RASMI UMNO RENTAK BARU DIPERDENGARKAN KEPADA UMUM

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Konvensyen Umno Kedah 2000 mencatat sejarah tersendiri apabila lagu rasmi parti berjudul `Bersatu' buat pertama kalinya diperdengarkan dalam rentak baru hari ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata rentak baru itu lebih bersifat cepat, rancak dan bersemangat berbanding rentak lama.

"Dulu, lagu itu rentaknya bersifat patriotik. Kali ini, ia mempunyai rentak march," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup konvensyen dua hari itu di sini.

Rentak baru itu diperdengarkan kepada umum pada majlis perasmian konvensyen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi.

Syed Razak berkata Kedah dipilih sebagai negeri pertama bagi rentak baru itu diperkenalkan memandangkan negeri ini adalah negeri kelahiran Perdana Menteri.

Ditanya apakah reaksi Perdana Menteri selepas mendengar rentak baru itu, Syed Razak berkata Dr Mahathir memujinya.

Sementara itu, pengerusi konvensyen Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata rentak baru itu lebih sesuai dengan alaf baru.

Beliau berkata rentak lagu Negaraku juga telah berubah kepada rentak cepat sebagai menyesuaikan dengan perubahan zaman.

-- BERNAMA

MN AKD